

Headline **Mak nyah dakwa dipukul, dimaki**
Date **07 Apr 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **11**
Article Size **257 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,235**
PRValue **6,704**



Mak nyah dakwa dipukul, dimaki

ROSLI HASSAN

MELAKA - "Kami sering dipukul dan dimaki ketika operasi yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Demikian antara dakwaan golongan mak nyah di negeri ini yang tidak berpuas hati dengan tindak-tanduk penguat kuasa JAIM ketika operasi terhadap mereka dijalankan.

Salah seorang golongan itu yang hanya mahu dikenali sebagai Nor Habib, 45, mendakwa, penguat kuasa JAIM sering membawa kayu panjang untuk digunakan memukul mereka ketika operasi.

"Salah seorang daripada kami pernah dimasukkan ke hospital kerana dipukul ketika operasi.

"Malah penguat kuasa

JAIM juga sering memaki kami dengan menggunakan kata-kata kesat," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada program *Paralegal Untuk Komuniti Terpinggir* di Dewan Hang Tuah, di sini semalam.

Ia dihadiri kira-kira 40 golongan mak nyah.

Program itu anjuran Persekitaran Kesihatan Reproduksi Melaka dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia (MAC).

Ia disempurnakan oleh Naib Presiden MAC, Datuk Zaman Khan.

Seorang lagi mak nyah hanya mahu dikenali sebagai Tiara, 38, berkata, golongan mak nyah juga sering ditangkap penguat kuasa JAIM ketika mereka berada di dalam kereta.

"Kalau tak silap saya, peruntukan undang-undang mengatakan adalah satu kesalahan jika berpakaian seperti wanita di tempat

awam tanpa alasan munasabah.

"Adakah kereta yang dinaiki kami merupakan tempat awam sehingga membolehkan kami ditahan pada sekatan jalan raya," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguat Kuasa JAIM, Rahimin Bani menafikan dakwaan tersebut.

Katanya, pihaknya tidak pernah memukul golongan berkenaan ketika operasi dilakukan.

"Cuma kadangkala berlaku bergelutan sehingga menyebabkan ada antara suspek yang terluka ketika cuba melarikan diri.

"Terdapat juga anggota penguat kuasa JAIM digigit oleh suspek ketika cuba ditahan," katanya.



SALAH seorang mak nyah bertanyakan soalan pada program 'Paralegal Untuk Komuniti Terpinggir' di Dewan Hang Tuah, Melaka semalam.